



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

MENYIAPKAN BAKI KERJA PEMBINAAN MASJID TERAPUNG DI DAERAH YAN, KEDAH. (TAWARAN SEMULA)

YAN, KEDAH – YB Datuk Seri Dr. Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya telah turun padang hari ini bagi meninjau status kemajuan projek Menyiapkan Baki Kerja Pembinaan Masjid Terapung di Daerah Yan, Kedah (Tawaran Semula).

2. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi projek ini dengan kos kontrak sebanyak RM12,431,156.00. Pembinaan masjid ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam menyediakan kemudahan ibadah yang selesa dan selamat kepada penduduk setempat, di samping berpotensi menjadi tarikan pelancongan baharu di Negeri Kedah. Projek ini juga dijangka memberi impak positif terhadap pembangunan sosioekonomi komuniti setempat.

3. Untuk makluman, kontraktor terdahulu bagi projek ini telah diberikan notis penamatan kontrak pada 15 Mac 2021 berikutan isu pelaksanaan projek. Susulan itu, proses pelantikan kontraktor baharu telah dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan bagi memastikan kesinambungan projek. Kontraktor baharu yang dilantik telah mula mengambil alih tapak projek pada 11 Julai 2023, dan kini kerja-kerja pembinaan berada di peringkat akhir pelaksanaan.

4. Sehingga 25 Februari 2026, projek ini telah mencapai kemajuan fizikal sebanyak 98.6%. Projek ini dilaksanakan secara kaedah konvensional dalaman dengan pemantauan rapi oleh agensi pelaksana bagi memastikan kualiti kerja serta pematuhan kepada spesifikasi yang ditetapkan sentiasa terjamin.

5. Skop utama projek merangkumi penyiapan baki kerja pembinaan bangunan masjid, struktur sampingan seperti gerbang (arch), menara

tangki air, menara azan (minaret), pembinaan Compact Sub Tenaga Nasional Berhad (TNB), serta Small Sewage Treatment System (SSTS) dan kerja-kerja luaran. Selain itu, projek ini turut melibatkan kerja-kerja mekanikal dan elektrik.

6. Kementerian Kerja Raya (KKR) berharap dengan siapnya Masjid Terapung ini kelak, ia bukan sahaja menjadi pusat ibadah, malah sebagai simbol pembangunan dan kesejahteraan komuniti di Daerah Yan.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
27 MAC 2026